



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-8/1/2 (17)
Tarikh : 30 Mei 2025

Semua Pengarah Penyedia Latihan Awam
Semua Pengurus Penyedia Latihan Swasta

Ybhg Datuk/Dato/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA EKSEKUTIF BILANGAN 1 TAHUN 2025

**PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN KRITERIA BAHARU PENGAGIHAN DANA
SKIM PINJAMAN LATIHAN TVET PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN**

TUJUAN

Surat Pekeliling Ketua Eksekutif ini bertujuan memaklumkan berkenaan Tempoh Pelaksanaan Kriteria Baharu Bagi Pengagihan Peruntukan Pembiayaan di bawah Skim Pinjaman Latihan TVET Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Pendaftaran dan Agihan yang bersidang pada 13 Mei 2025 telah memutuskan untuk menambahbaik dari segi tempoh pelaksanaan Pekeliling Ketua Eksekutif Bilangan 1 Tahun 2025: *Pelaksanaan Kriteria Baru Bagi Pendaftaran Penyedia Latihan dan Pengagihan Peruntukan pembiayaan Di Bawah Skim Pinjaman Latihan TVET Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia*. Langkah ini diambil bagi memastikan pelaksanaan pengagihan peruntukan kepada setiap Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar dengan PTPK dapat dilaksanakan dengan berkesan dan bersasar.

PELAKSANAAN

3. Bagi memastikan pengagihan peruntukan kepada PL PTPK dapat dilaksanakan dengan berkesan, kriteria tambahan telah diperkenalkan untuk pelaksanaan agihan dana skim Pinjaman Latihan TVET. Kriteria tambahan tersebut adalah seperti berikut :

3.1 Pencapaian Prestasi Bayaran Balik

3.1.1 Mencapai prestasi bayaran balik melebihi **25%** bagi setiap program yang dipohon. Walau bagaimanapun, tempoh pelaksanaan bagi kriteria ini telah dilanjutkan selama 3 bulan bagi memastikan setiap PL dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. Kriteria ini akan berkuat kuasa mulai bulan September 2025.

3.2 Penarafan Bintang Berdasarkan Penilaian Prestasi JPK

3.2.1 Mendapat **sekurang-kurangnya penarafan 3 bintang** berdasarkan penilaian rasmi JPK bagi setiap program yang dimohon. Pengecualian penarafan bintang ini diberi kepada program yang terlibat dengan pertukaran Kod Noss yang belum memperolehi penarafan Bintang.

4. Dengan pelaksanaan kriteria ini dapat memastikan pengagihan peruntukan dana Skim Pinjaman Latihan TVET diagihkan berdasarkan keberkesanan setiap program yang dilaksanakan oleh Penyedia Latihan (PL). Langkah ini diambil bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan peruntukan dan memastikan setiap PL bertanggungjawab dalam mencapai hasil yang optimum melalui program yang ditawarkan.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Ketua Eksekutif ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran